Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh **Pulau Pinang** pada paras 6.8 peratus (2020: -2.1%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang 2.1 peratus (2020: -5.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Selain itu, pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan negeri ini kepada 12.4 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan juga mencatatkan peningkatan 12.9 peratus (2020: -15.5%) dipacu oleh subsektor bangunan bukan kediaman.

Ekonomi **Perak** meningkat 3.5 peratus berbanding penguncupan 2.4 peratus pada tahun 2020. Pertumbuhan 2.4 peratus (2020: -4.0%) yang dicatatkan oleh sektor



Pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan Pulau Pinang kepada **12.4%**

Perkhidmatan disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 9.2 peratus (2020: 3.5%) disokong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Begitu juga, sektor Pertanian yang berkembang sebanyak 3.1 peratus (2020: 1.0%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti kelapa sawit, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

Perlis bertumbuh 1.5 peratus (2020: -6.0%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 2.3 peratus (2020: -1.2%) diterajui oleh perkhidmatan kerajaan, subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 5.4 peratus (2020: -5.6%) disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor prosesan makanan dan produk mineral bukan logam. Namun begitu, sektor Pertanian merosot kepada negatif 6.0 peratus (2020: -18.5%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor tanaman dan perikanan.

Prestasi **Selangor** kembali pulih pada tahun 2021 apabila melonjak kepada 5.0 peratus berbanding penguncupan 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi di Malaysia. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 2.2 peratus (2020: -6.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan & insurans, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh kepada 13.1 peratus (2020: -0.7%) dipacu oleh lonjakan daripada produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Pertumbuhan positif daripada subsektor tanaman, ternakan dan perikanan pula mendorong kenaikan sektor Pertanian dengan mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada



Subsektor utiliti dan maklumat & komunikasi di Selangor kekal merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2021

kadar 4.9 peratus (2020: 0.3%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan menyusut sebanyak 6.6 peratus (2020: -9.7%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

Terengganu berkembang pada kadar 3.6 peratus (2020: -5.7%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 1.2 peratus (2020: -3.4%) seiring dengan pemulihan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan. Namun begitu, penurunan dalam subsektor utiliti memperlambatkan prestasi sektor Perkhidmatan Terengganu. Seterusnya, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.5 peratus berbanding penyusutan 9.4 peratus pada tahun 2020 dipacu oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sebaliknya, sektor Pertanian di Terengganu menyusut 5.3 peratus (2020: -3.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor kelapa sawit dan getah.

Pemulihan KDNK **Sabah** yang bertumbuh positif 1.1 peratus berbanding penurunan 9.2 peratus didorong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Pertumbuhan 1.8 peratus

(2020: -7.3%) yang dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Lonjakan daripada aktiviti gas asli telah mendorong kenaikan sektor Perlombongan & pengkuarian dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus (2020: -12.3%). Namun begitu, sektor Pertanian yang merupakan penyumbang ketiga ekonomi Sabah mencatatkan penyusutan sebanyak 2.4 peratus (2020: -6.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan pengeluaran buah tandan segar.

Sarawak berkembang sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.8%). Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1 peratus (2020: -5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Peningkatan produk petroleum, kimia, getah & plastik menyumbang kepada pertumbuhan kukuh 11.2 peratus (2020: -8.6%) terhadap sektor Pembuatan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut sebanyak 3.3 peratus (2020: -4.7%) berikutan kejatuhan dalam pengeluaran gas asli, minyak mentah dan kondensat. Pada masa sama, sektor Pertanian turut mencatatkan penurunan kepada negatif 3.2 peratus (2020: -10.1%) dipengaruhi oleh penyusutan pengeluaran kelapa sawit dan tanaman lain serta aktiviti perhutanan & pembalakan.

Pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2020: -7.4%) **W.P. Kuala Lumpur** didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini meningkat kepada 1.6 peratus (2020: -5.8%) disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Namun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 12.1 peratus (2020: -26.4%) dipengaruhi oleh nilai kerja pembinaan yang lebih rendah bagi segmen pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam.

W.P. Labuan bertumbuh 0.5 peratus berbanding penyusutan sebanyak 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi W.P. Labuan merekodkan pertumbuhan lebih baik pada kadar 1.5 peratus berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh subsektor kewangan & insurans. Sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus berbanding penurunan 13.6 peratus pada tahun 2020 seiring pemulihan daripada aktiviti perikanan. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 1.0 peratus (2020: -1.2%) dipengaruhi oleh subsektor bahan kimia & produk kimia.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi ekonomi Malaysia dengan jumlah sumbangan sebanyak 81.4 peratus. Penyumbang utama bagi kedua-dua sektor ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Kedah dan Johor seperti ditunjukkan pada **Carta 1.25**. Kepelbagaian penumpuan dapat dilihat dalam komposisi aktiviti ekonomi bagi setiap negeri. Struktur ekonomi W.P. Kuala Lumpur ditunjangi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.0 peratus diikuti W.P. Labuan (78.5%), Perlis (70.2%), Kelantan (69.2%) dan Perak (61.4%). Sementara itu, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (22.8%), Pahang (23.5%) dan Perlis (17.4%). Sarawak dan Sabah pula merupakan negeri yang menyumbang kepada sektor Perlombongan & pengkuarian.



KDNK per kapita

Dari perspektif KDNK per kapita, semua negeri merekodkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya. KDNK per kapita Malaysia meningkat sebanyak RM3,737 iaitu daripada RM43,702 pada tahun 2020 kepada RM47,439 pada tahun 2021 (**Jadual 1.4**).

Lima negeri melepasi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM111,292), W.P. Labuan (RM81,345), Sarawak (RM65,971), Pulau Pinang (RM59,685) dan Selangor (RM51,930).

5 negeri

melempi paras KDNK per kapita nasional pada tahun 2021

Jadual 1.4 KDNK per kapita mengikut negeri, 2020-2021 pada harga semasa (RM)

Negeri	2020	2021
W.P. Kuala Lumpur*	108,791	111,292
W.P. Labuan	80,393	81,345
Sarawak	55,931	65,971
Pulau Pinang	55,774	59,685
Selangor	48,607	51,930
Melaka	42,861	44,610
Negeri Sembilan	41,254	44,495
Pahang	38,010	41,313
Johor	33,856	36,474
Perak	31,626	34,338
Terengganu	29,462	30,901
Sabah	24,652	29,960
Kedah	22,693	23,575
Perlis	21,099	21,508
Kelantan	14,951	15,584
MALAYSIA	43,702	47,439

*Termasuk W.P. Putrajaya


Jadual 1.5 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

NEGERI	PERTANIAN	PERLOMBONGAN & PENGUKUARIAN	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	DUTI IMPORT	KDNK 2021
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.9	12.4	2.1	-5.8	6.8
Selangor	4.9	-3.0	-6.6	13.1	2.2	8.6	5.0
Terengganu	-5.3	3.5	2.5	9.5	1.2	-47.9	3.6
Perak	3.1	-3.4	-6.7	9.2	2.4	-32.0	3.5
Kedah	2.6	-4.5	-8.4	6.2	1.9	30.8	3.2
MALAYSIA	-0.2	0.3	-5.2	9.5	1.9	1.7	3.1
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	-0.3	7.2	2.0	-29.5	3.0
Sarawak	-3.2	-3.3	10.2	11.2	2.1	-8.4	2.9
Johor	0.6	-7.5	-18.0	5.5	2.6	-4.5	2.4
Kelantan	1.0	5.1	1.2	2.1	2.7	39.8	2.4
Melaka	-0.6	-4.4	-9.5	3.3	2.3	-43.1	2.0
Perlis	-6.0	-2.3	0.2	5.4	2.3	89.0	1.5
Sabah	-2.4	2.4	7.9	-1.8	1.8	-11.1	1.1
Pahang	-0.1	-13.5	18.5	6.1	-1.4	-32.5	0.9
WPKL*	..	-3.1	-12.1	4.3	1.6	1.0	0.8
W.P. Labuan	1.3	..	-11.8	-1.0	1.5	-41.3	0.5
SUPRA	..	2.2	2.2

* Termasuk W.P. Putrajaya
.. Tidak berkenaan

Carta 1.25 Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

Sumbangan peratusan



*Termasuk W.P. Putrajaya

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PRESTASI EKONOMI SELANGOR

SOSIOEKONOMI SELANGOR 2021

PRESTASI EKONOMI SELANGOR 2021

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

- SEKTOR PERTANIAN
- SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN
- SEKTOR PEMBINAAN
- SEKTOR PEMBUATAN
- SEKTOR PERKHIDMATAN
 - ▶ Perdagangan borong dan runcit
 - ▶ Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
 - ▶ Pengangkutan dan penyimpanan
 - ▶ Kewangan dan insurans
 - ▶ Hartanah
 - ▶ Penginapan dan makanan & minuman
 - ▶ Perkhidmatan perniagaan
 - ▶ Perkhidmatan pendidikan swasta
 - ▶ Perkhidmatan kesihatan swasta
 - ▶ Perkhidmatan kerajaan

KADAR VAKSINASI 2021

PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

INDEKS HARGA PENGGUNA

RENCANA 2 : SITUASI PEKERJAAN SEMASA PANDEMIK COVID-19: SENARIO KEHILANGAN PEKERJAAN DI SELANGOR



BAB



2



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SOSIOEKONOMI SELANGOR 2021

KDNK:
RM343.5 bilion
↑ **5.0%**

PERKHIDMATAN

RM204.5 b ↑
↑ **2.2%**
59.5%

PEMBUATAN

RM107.8 b ↑
↑ **13.1%**
31.4%

PEMBINAAN

RM17.4 b ↓
↓ **-6.6%**
5.1%

PERTANIAN

RM5.0 b ↑
↑ **4.9%**
1.4%

PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN

RM0.7 b ↓
↓ **-3.0%**
0.2%

PETUNJUK { ↑ Pertumbuhan
● Sumbangan kepada KDNK
b Bilion



INDEKS HARGA PENGGUNA 2.7%** ↑



DEMOGRAFI SOSIAL

KELUASAN KAWASAN 7,951 km²

JUMLAH PENDUDUK 7.01 juta
52.9%
47.1%

KADAR KESUBURAN JUMLAH* 1.6
Bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun

JANGKAAN HAYAT**
Ketika lahir (tahun)
75.2 79.6

PENDUDUK BEKERJA 3.5 juta

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH 76.4%

KADAR PENGANGGURAN 4.3%



STATISTIK PERDAGANGAN

JUMLAH PERDAGANGAN RM502.3 bilion

EKSPORT BARANGAN RM235.3 bilion
EKSPORT BARANGAN UTAMA
Sarung tangan getah
RM34.5 bilion

IMPORT BARANGAN RM267.0 bilion
IMPORT BARANGAN UTAMA
Barangan elektrik & elektronik lain
RM16.9 bilion



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

BILANGAN PELAWAT DOMESTIK 10.2 juta

LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA



Sunway Pyramid Shopping Mall

IDEAL Convention Centre (IDCC) Shah Alam

GM Klang Wholesale City

Pantai Morib

The Curve



PENDAPATAN PBT*

- 1 Majlis Perbandaran Sepang **RM546.7 juta**
- 2 Majlis Bandaraya Shah Alam **RM468.5 juta**
- 3 Majlis Perbandaran Selayang **RM456.4 juta**

Nota: KDNK: Keluaran Dalam Negeri Kasar
PBT: Pihak Berkuasa Tempatan
*Data tahun 2020
**Termasuk W.P. Putrajaaya

5.0%
**Pertumbuhan
Ekonomi
Selangor**

RM343.5
bilion
Nilai **KDNK** pada
tahun **2021**

PRESTASI EKONOMI SELANGOR

2021

Dalam usaha membentuk ekonomi Selangor kekal mampan, kerajaan negeri telah memperkenalkan pelbagai strategi bagi memastikan ekonomi negeri ini memulih selepas terkesan akibat penularan pandemik COVID-19. Satu pelan pembangunan lima tahun bagi tempoh 2022 sehingga 2026 iaitu Rancangan Selangor Satu (RS-1) telah dilancarkan pada suku tahun pertama 2022. Pelan ini merangkumi semua aspek yang berasaskan hala tuju pembangunan, sosioekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Selain itu, pemberian pelbagai insentif dan pakej rangsangan yang meliputi Pakej Selangor Prihatin dan Pakej Kita Selangor membabitkan lebih RM1 bilion diberikan secara terus melalui pelbagai program kepada setiap lapisan masyarakat di Selangor bagi menjaga kebajikan dan kelangsungan hidup serta merencanakan semula sektor ekonomi.

Ke arah mencapai negeri maju, Selangor menggerakkan ekonomi secara holistik melalui agenda digitalisasi iaitu menerusi transformasi sistem perkhidmatan, sosial, perniagaan dan keusahawanan. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor terus komited mengambil langkah proaktif dengan merangka beberapa inisiatif bagi pemulihan dan pengukuhan ekonomi pasca pandemik COVID-19. Sejumlah RM416.2 juta diperuntukkan bagi inisiatif tersebut dengan memberikan penumpuan ke atas program berimpak tinggi yang antaranya meliputi logistik, pengangkutan dan pelancongan.

Dengan nilai ditambah sebanyak RM343.5 bilion seperti yang dipaparkan pada **Carta 2.1**, Selangor kekal menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak 24.8 peratus. Sektor Perkhidmatan kekal mendominasi ekonomi Selangor dengan sumbangan sebanyak 59.5 peratus. Sementara itu, sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing menyumbang sebanyak 31.4 peratus dan 5.1 peratus. Sektor Pertanian merekodkan sumbangan sebanyak 1.4 peratus manakala 0.2 peratus

disumbangkan oleh sektor Perlombongan & pengkuarian seperti pada **Carta 2.2**.


Dari aspek prestasi, ekonomi Selangor mencatatkan pertumbuhan positif 5.0 peratus pada tahun 2021 berbanding penyusutan 5.2 peratus pada tahun 2020. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam sektor Pembuatan yang melonjak kepada 13.1 peratus. Selain itu, pertumbuhan positif sektor Pertanian dan Perkhidmatan yang berkembang pada kadar 4.9 peratus dan 2.2 peratus turut mendorong peningkatan keseluruhan ekonomi negeri ini. Sebaliknya, sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masih mencatatkan penyusutan sebanyak 6.6 peratus dan 3.0 peratus (**Carta 2.3**).

Sektor Perkhidmatan yang menerajui ekonomi Selangor meningkat 2.2 peratus (2020: -6.6%) dan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM204.5 bilion berbanding RM200.2 bilion pada tahun 2020. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan & insurans, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Dalam usaha meningkatkan sektor pelancongan di Selangor, beberapa inisiatif telah dirangka bagi membantu kelangsungan perniagaan. Antara inisiatif tersebut adalah pemberian geran bantuan aktiviti pelancongan, baucar pelancongan Selangor 2.0, Program Latihan Pembelajaran Pendigitalan serta bantuan kewangan *one-off* kepada persatuan pelancong. Selain itu, sebanyak RM15 juta diperuntukkan bagi memperkasa perniagaan melalui pinjaman kepada peruncit mikro dan kecil.

Pada masa yang sama, sektor Pembuatan mengukuh 13.1 peratus berbanding penguncupan 0.7 peratus pada tahun sebelumnya dan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM107.8 bilion. Pertumbuhan sektor ini didorong oleh lonjakan daripada produk elektrik, elektronik dan optikal serta kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang masing-masing mengukuh sebanyak 22.0 peratus dan 23.6 peratus. Berdasarkan data projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA, Selangor merekodkan nilai pelaburan sebanyak RM7.5 bilion membabitkan RM6.0 bilion pelaburan domestik dan RM1.5 bilion pelaburan asing. Produk getah, bahan kimia & produk kimia serta produk elektrik dan elektronik merupakan industri yang menerima pelaburan tertinggi pada tahun 2021.


Carta 2.1

Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Selangor, 2015-2021




Carta 2.2

Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Selangor, 2021




Carta 2.3

Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Selangor, 2020-2021



Paparan 2.1

Nilai ditambah mengikut sektor utama Selangor, 2021



Sementara itu, sektor Pertanian pula berkembang 4.9 peratus (2020: 0.3%) iaitu peningkatan nilai ditambah kepada RM5.0 bilion pada tahun 2021 berbanding RM4.7 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan lebih baik ini disokong oleh kenaikan dalam subsektor tanaman, ternakan dan perikanan. Dalam memastikan sektor ini kekal mampan, kerajaan negeri komited melaksanakan beberapa inisiatif yang antaranya adalah membangunkan ekonomi secara holistik dan terancang di daerah Sabak Bernam seperti membangunkan industri hiliran. Selain itu, pelaksanaan program Agro Prihatin bagi membantu golongan penternak, petani, nelayan serta orang awam dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.5 juta merupakan antara langkah terbaik bagi memastikan sektor ini berdaya tahan.

Namun begitu, sektor Pembinaan mencatatkan penyusutan sebanyak 6.6 peratus berbanding penurunan 9.7 peratus dengan nilai tambah sebanyak RM17.4 bilion pada tahun 2021. Prestasi ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam subsektor kejuruteraan awam yang merosot 17.8 peratus (2020: -20.6%). Bagi merencanakan semula sektor Pembinaan, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM170 juta untuk mempertingkatkan jaringan jalan raya di beberapa lokasi seperti Kuala Selangor, Gombak, Sepang dan Hulu Selangor. Projek tersebut merupakan antara usaha kerajaan negeri bagi merapatkan jurang pembangunan antara daerah. Seterusnya, di bawah projek ekonomi berimpak tinggi, sebanyak 3,400 unit kediaman bakal dibina di jajaran sungai Klang dengan anggaran nilai pembangunan kasar berjumlah RM1 bilion melibatkan pembangunan 2,000 unit kediaman mampu milik serta 1,400 kediaman harga bebas.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian merekodkan nilai ditambah RM0.7 bilion dan menyusut pada kadar 3.0 peratus (2020: -12.1%). Penurunan ini dipengaruhi oleh pemecahan batu, pengkuarian granit dan pasir.

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian memainkan peranan yang penting di dalam ekonomi sesebuah negeri melalui sumbangannya kepada hasil negeri, perolehan eksport serta mewujudkan peluang pekerjaan. Sektor ini adalah pembekal utama makanan dan juga bahan mentah untuk industri berasaskan sumber. Pada tahun 2021, sektor Pertanian di Selangor mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM5.0 bilion berbanding RM4.7 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan marginal 0.3 peratus pada tahun sebelumnya dan menyumbang 1.4 peratus kepada keseluruhan KDNK Selangor.

Pada tahun 2021, subsektor tanaman merupakan penyumbang terbesar sektor Pertanian di Selangor dengan sumbangan sebanyak 50.3 peratus, diikuti subsektor perikanan (25.0%), ternakan (24.6%) dan perhutanan & pembalakan (0.1%) seperti pada **Carta 2.4**. Prestasi pertumbuhan 4.9 peratus dalam sektor Pertanian ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam subsektor perikanan (7.1%), diikuti subsektor tanaman (4.4%) dan juga subsektor ternakan (4.0%).

Subsektor tanaman meningkat 4.4 peratus pada tahun 2021 berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran komoditi kelapa sawit. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB (**Jadual 2.1**), Selangor merupakan antara negeri yang mencatatkan peningkatan dalam pengeluaran buah tandan

segar iaitu 2.0 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya (2020: -1.4%).

Aktiviti tanaman makanan dan tanaman sayuran juga menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Antara tanaman makanan yang mencatatkan peningkatan pada tahun 2021 adalah tanaman kelapa, manakala tanaman sayur-sayuran yang turut merekodkan kenaikan ialah tanaman sawi, bayam, kangkung dan timun.

Subsektor perikanan bertumbuh kukuh 7.1 peratus berbanding prestasi negatif pada tahun sebelumnya (2020: -2.6%). Ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pendaratan ikan laut dan juga ternakan ikan air payau.

Subsektor ternakan juga merupakan penyumbang dalam prestasi sektor Pertanian di Selangor dengan bertumbuh 4.0 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi yang lebih baik ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti ternakan ayam, lembu & kerbau serta pengeluaran telur ayam.

“

RM5.0 bilion nilai ditambah sektor **Pertanian Selangor** pada tahun 2021

”

SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Selangor mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM732.5 juta berbanding RM755.2 juta pada tahun 2020. Sumbangan sektor ini adalah 0.2 peratus kepada KDNK Selangor.

Pada tahun 2021, sektor ini menyusut 3.0 peratus (2020: -12.1%) seperti pada **Carta 2.5**. Penurunan ini dipengaruhi oleh pemecahan batu, pengkuarian granit dan pasir. Selain itu, aktiviti pengkuarian batu kapur, pembilasan amang dan perlombongan kaolin turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan sektor ini.

SEKTOR PEMBINAAN

Sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 5.1 peratus kepada keseluruhan ekonomi Selangor pada tahun 2021. Sektor ini merekodkan nilai ditambah berjumlah RM17.4 bilion pada tahun 2021 berbanding RM18.7 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Sektor ini mencatatkan penyusutan yang lebih kecil berbanding tahun sebelumnya iaitu negatif 6.6 peratus (2020: -9.7%). Segmen kejuruteraan awam, bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman yang menguncup telah mempengaruhi kemerosotan sektor Pembinaan. Aktiviti pertukangan khas merekodkan sumbangan tertinggi kepada sektor Pembinaan Selangor dengan menyumbang sebanyak 31.7 peratus diikuti oleh kejuruteraan awam (31.6%) dan bangunan kediaman (19.6%) seperti yang ditunjukkan pada **Paparan 2.2**. Projek utama yang sedang dibangunkan di negeri ini pada tahun 2021 termasuklah projek-projek berkaitan pembinaan

pengangkutan awam serta pembinaan infrastruktur lebuhraya.

Dalam pada itu, aktiviti pertukangan khas merupakan satu-satunya subsektor yang mencatatkan pertumbuhan positif dengan merekodkan peningkatan sebanyak 7.5 peratus berbanding 7.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Projek utama:

Antara projek utama yang sedang dibangunkan di Selangor adalah:

- ◆ *Design, Construction, Completion, Testing and Commissioning of Light Rail Transit Line 3 (LRT3) dari Bandar Utama ke Johan Setia;*
- ◆ *Projek lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang Elevated Expressway (Suke);*
- ◆ *Projek penswastan lebuhraya bertingkat Damansara - Shah Alam (DASH);*
- ◆ *Lebuhraya West Coast;*
- ◆ *Development of Kuala Lumpur Ring Road - Eastern Route known as East Klang Valley Expressway (EKVE); dan*
- ◆ *Projek Mass Rapid Transit Laluan 2: Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya.*


Projek selesai:

Antara projek yang telah selesai dibangunkan pada tahun 2020 adalah:

- ◆ *Projek menaik taraf lebuhraya Pulau Indah, Klang (Fasa2);*
- ◆ *Kompleks membeli-belah Pavilion Bukit Jalil;*
- ◆ *Projek-projek pembangunan kilang perindustrian serta gudang; dan*
- ◆ *Projek-projek bangunan yang merangkumi ruang perniagaan serta tempat letak kereta.*

Paparan 2.2

Komposisi sektor Pembinaan, Selangor, 2021



SEKTOR PEMBUATAN

Selangor merupakan peneraju utama sektor Pembuatan di Malaysia dengan sumbangan 32.0 peratus. Nilai ditambah yang direkodkan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM107.8 bilion, menyumbang 31.4 peratus kepada keseluruhan ekonomi Selangor.

Sektor ini mengukuh 13.1 peratus berbanding kejatuhan marginal 0.7 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi kukuh ini diterajui oleh lonjakan daripada subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal yang mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 22.0 peratus (2020: 3.3%) dipelopori oleh komponen papan elektronik, peralatan komunikasi & elektronik pengguna, jentera dan peralatan serta kelengkapan elektrik. Subsektor ini merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pembuatan Selangor dengan sumbangan 29.3 peratus seperti di **Carta 2.6**.

Komponen papan elektronik, peralatan komunikasi & elektronik pengguna berkembang kepada 26.4 peratus, jentera dan peralatan bertumbuh 14.8 peratus manakala kelengkapan elektrik meningkat 19.6 peratus. Penyumbang

utama kepada pertumbuhan tersebut adalah disokong oleh aktiviti pembuatan elektronik pengguna, litar elektronik bersepadu dan aktiviti pembuatan perkakasan domestik.

Selain itu, kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik turut menyumbang peningkatan sektor ini, dengan merekodkan pertumbuhan mapan 23.6 peratus (2020: 18.6%) dipacu oleh pertumbuhan dua angka daripada subsektor kimia & produk kimia serta produk getah yang merupakan antara industri yang mendapat manfaat berikutan daripada peningkatan permintaan daripada industri kesihatan dalam menghadapi krisis COVID-19. Kedua-dua subsektor ini masing-masing berkembang pada kadar 19.1 peratus dan 30.8 peratus.

Sementara itu, peningkatan dalam subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka, subsektor minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan serta produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan turut mendorong kenaikan sektor Pembuatan Selangor dengan masing-masing bertumbuh 4.9 peratus, 14.3 peratus dan 11.7 peratus. Ketiga-tiga subsektor ini merupakan antara penyumbang utama sektor Pembuatan Selangor dengan mencatatkan sumbangan kumulatif sebanyak 30.6 peratus.



“ Selangor menyumbang 32.0% kepada sektor Pembuatan di Malaysia pada tahun 2021 ”

Walau bagaimanapun, kumpulan peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan merekodkan penyusutan marginal 0.9 peratus berbanding penguncupan 1.6 peratus pada tahun 2020.

Secara keseluruhannya, Selangor merekodkan nilai pelaburan yang diluluskan bagi sektor Pembuatan berjumlah RM7.5 bilion pada tahun 2021 membabitkan RM6.1 bilion pelaburan domestik dan RM1.5 bilion pelaburan asing. Antara subsektor yang menerima suntikan pelaburan terbesar adalah produk getah sebanyak RM2.2 bilion, diikuti kimia dan produk kimia (RM1.3 bilion) dan produk elektrik dan elektronik (RM1.1 bilion).

SEKTOR PERKHIDMATAN

Pada tahun 2021, sektor Perkhidmatan di Selangor merekodkan nilai ditambah berjumlah RM204.5 bilion, peningkatan sebanyak RM4.3 bilion berbanding tahun sebelumnya. Sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK Selangor pada tahun 2021 adalah 59.5 peratus (2020: 61.2%). Sektor ini mencatatkan peningkatan 2.2 peratus berbanding penyusutan 6.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan di Selangor adalah seperti dipaparkan pada **Jadual 2.2**.




“

59.5% sumbangan sektor Perkhidmatan kepada KDNK Selangor pada tahun 2021

”

Paparan 2.3

Penyumbang utama dan pertumbuhan 2021 bagi subsektor Perkhidmatan



Perdagangan borong dan runcit

Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa yang mula diperkenalkan pada Jun 2021 yang menjadi strategi pemulihan ekonomi telah memberi ruang untuk merencanakan semula ekonomi terutamanya kepada subsektor perdagangan borong dan runcit.

Pada tahun 2021, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 31.5 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Selangor. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh 2.2 peratus (2020: -5.1%) didorong oleh segmen borong dan runcit.

Segmen borong berkembang 3.6 peratus pada tahun 2021 (2020: -4.1%) disokong oleh peningkatan dalam aktiviti jualan borong

barangan isi rumah dan juga aktiviti jualan borong makanan, minuman dan tembakau. Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit Selangor adalah 46.3 peratus seperti pada **Carta 2.7**. Kepelbagaian dalam penumpuan produk pengeluaran telah memberikan impak yang berbeza terhadap prestasi borong di negeri.

Sementara itu, segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus berbanding penyusutan 5.0 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini disokong oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan, diikuti aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan, dan juga aktiviti jualan runcit kelengkapan informasi & komunikasi di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit Selangor adalah 44.6 peratus.

Namun, prestasi segmen kenderaan bermotor dilihat menyusut kepada negatif 14.3 peratus (2020: -9.7%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan komponen (termasuk alat ganti) & aksesori kenderaan bermotor dan juga aktiviti penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor.

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 17.3 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Selangor dengan nilai ditambah berjumlah RM35.4 bilion pada tahun 2021. Subsektor ini mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen dalam perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.6 peratus didorong oleh permintaan dalam

perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara segmen lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan perkhidmatan ini adalah segmen perkhidmatan komputer dan maklumat yang mencatatkan pertumbuhan 1.8 peratus yang disokong oleh aktiviti pengaturcaraan komputer.

“

Subsektor **perkhidmatan maklumat & komunikasi** Selangor bertumbuh **5.8%** pada tahun 2021

”



Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 9.1 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Selangor. Pada tahun 2021, subsektor ini menunjukkan peningkatan 2.3 peratus berbanding kemerosotan 20.8 peratus pada tahun sebelumnya. Pengangkutan lain merupakan peneraju utama dengan sumbangan 21.5 peratus, diikuti pengangkutan darat (18.9%), operasi lebuhraya (18.7%), pelabuhan & operasi penerbangan (16.6%), pengangkutan air (12.1%), perkhidmatan pos & kurier (8.5%) dan pengangkutan udara (3.7%) seperti pada **Carta 2.8**.

Semua segmen mencatatkan pertumbuhan positif selain daripada operasi lebuhraya dan aktiviti pengangkutan udara berikutan daripada pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berfasa di seluruh negara. Kedua-dua aktiviti iaitu operasi lebuhraya dan pengangkutan udara masih merekodkan penurunan susulan daripada kawalan pergerakan yang masih dikuatkuasa. Sementara itu, perkhidmatan pos dan kurier yang kekal mampan dengan mencatatkan pertumbuhan dua angka turut menyokong pertumbuhan positif keseluruhan industri ini.

Kewangan dan insurans

Kewangan dan insurans bertumbuh sebanyak 13.4 peratus pada tahun 2021. Pertumbuhan ini didominasi oleh segmen kewangan yang merupakan penyumbang terbesar sektor ini iaitu sebanyak 71.3 peratus. Pertumbuhan segmen tersebut disokong oleh aktiviti perantaraan kewangan.

Sementara itu, aktiviti insurans yang menyumbang 28.7 peratus kepada subsektor kewangan dan insurans didorong oleh aktiviti insurans dan tabung pencen.

Hartanah

Subsektor hartanah di Selangor menguncup 18.5 peratus (2020: -25.5%) pada tahun 2021 dengan nilai ditambah sebanyak RM4.1 bilion. Penguncupan ini dipengaruhi oleh aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan terutama dalam pembelian, penjualan, penyewaan & pengendalian hartanah kediaman dan pembangunan bagi projek yang dibina untuk operasi sendiri seperti untuk sewaan ruang di dalam bangunan yang mendominasi 63.3 peratus daripada keseluruhan subsektor hartanah di Selangor.

Secara umumnya, prestasi hartanah Selangor terus mencabar pasca COVID-19 ditambah dengan isu sedia ada seperti lambakan kediaman siap dibina tidak terjual serta penawaran ruang pejabat dan kompleks beli-belah yang tinggi melebihi permintaan. Impak yang dibawa pandemik COVID-19 menyaksikan pembeli masih dibelenggu dengan masalah kemampuan, ketidakupayaan untuk mendapatkan pinjaman, jaminan pekerjaan dan kestabilan ekonomi.

Namun begitu, prestasi memberangsangkan subsektor lain seperti pengangkutan & penyimpanan dan kewangan & insurans secara tidak langsung telah mendorong pertumbuhan yang lebih baik subsektor hartanah di Selangor.

Penginapan dan makanan & minuman

Subsektor penginapan di Selangor masih mencatatkan penyusutan iaitu negatif 27.5 peratus pada tahun 2021 (2020: -53.7%) dan merekodkan nilai ditambah RM495.0 juta. Berdasarkan data tetamu hotel, bilangan pelancong asing menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 juta dan mencatatkan penyusutan 79.3 peratus (2020: -82.7%). Bilangan penumpang yang dikendalikan mengikut lapangan terbang juga turut menunjukkan trend yang sama iaitu menyusut 67.8 peratus bagi tahun 2021 (2020: -78.2%).

Subsektor makanan dan minuman menyumbang 3.9 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Selangor. Subsektor ini menyusut 9.8 peratus (2020: -26.8%) dengan merekodkan nilai ditambah RM8.0 bilion pada tahun 2021.

“

**Subsektor Perkhidmatan
Perniagaan**
Selangor menguncup **8.7%**
pada tahun 2021

”

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan penurunan 8.7 peratus pada tahun 2021 (2020: -12.7%) dipengaruhi oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 69.8 peratus. Aktiviti ini menguncup 6.1 peratus daripada negatif 8.7 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Aktiviti utama yang mempengaruhi prestasi tersebut ialah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada kemerosotan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek serta perkhidmatan jurukur tanah.

Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 30.2 peratus dan mencatatkan penurunan 14.3 peratus (2020: -20.2%) dipengaruhi oleh aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti keselamatan persendirian.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang sebanyak 2.0 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Selangor. Pada tahun 2021, subsektor ini merekodkan penyusutan 5.1 peratus (2020: -8.4%). Pembukaan pengoperasian kesemua institusi pendidikan secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka telah mendorong kepada fasa pemulihan bagi subsektor ini.

Berdasarkan **Carta 2.9**, aktiviti pendidikan tinggi kekal menjadi penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 55.2 peratus kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan pendidikan swasta Selangor. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (18.6%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (15.2%), pendidikan menengah (10.4%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.7%).

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 1.5 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Selangor. Subsektor ini mencatatkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM3.0 bilion berbanding RM2.7 bilion pada tahun 2020 dan bertumbuh 9.0 peratus (2020: -4.6%).

Aktiviti hospital merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan subsektor ini. Selain itu, antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.



“

**Perkhidmatan
kesihatan swasta bertumbuh 9.0%**
pada tahun 2021

”

Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan meliputi empat peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.

Pada tahun 2021, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di Selangor adalah sebanyak RM18.6 bilion berbanding RM17.6 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.7 peratus (2020: 5.1%). Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 9.1 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di Selangor. Kerajaan Persekutuan mendominasi perkhidmatan kerajaan di negeri ini dengan sumbangan sebanyak 71.9 peratus diikuti oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan PBT.



“


**Perkhidmatan
kerajaan** bertumbuh **5.7%**
pada tahun **2021**

”

CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR


Carta 2.4

Prestasi sektor Pertanian, Selangor, 2020-2021




Carta 2.5

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Selangor, 2015-2021




Carta 2.6

Peratus sumbangan subsektor Pembuatan, Selangor, 2021




Carta 2.7

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Selangor, 2021




Carta 2.8

Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Selangor, 2021



Carta 2.9

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Selangor, 2021



JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.1 Statistik industri kelapa sawit, Selangor, 2020-2021


Selangor	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2020	2021	2020	2021
Buah tandan segar ('000 tan)	2,707	2,760	-1.4	2.0
Minyak sawit mentah ('000 tan)	510	522	-2.4	2.5
Isirong sawit ('000 tan)	142	143	-2.6	0.9
Keluasan belum matang (hektar)	12,614	9,754	-3.8	-22.7
Keluasan matang (hektar)	113,911	100,495	-3.1	-11.8

Sumber: MPOB

Jadual 2.2 Prestasi sektor Perkhidmatan, Selangor, 2020-2021

Subsektor	2020 ^e			2021 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	57,901	28.9	-5.0	60,309	29.5	4.2
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	72,555	36.2	-9.2	72,895	35.6	0.5
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	37,254	18.6	-6.8	38,250	18.7	2.7
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	14,888	7.4	-11.1	14,479	7.1	-2.7
Perkhidmatan kerajaan	17,605	8.8	5.1	18,615	9.1	5.7
Jumlah	200,203	61.2	-6.6	204,549	59.5	2.2

KADAR VAKSINASI, 2021



PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2020-2021





















JUMLAH KESELURUHAN 2020/2021
RM530 bilion



PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN NEGERI, 2020-2021



PAKEJ RANGSANGAN, BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI, 2020-2022

2020	PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS		2021	PAKEJ KITA SELANGOR 1.0		
 RM4.2 JUTA Petugas barisan hadapan	 RM40.0 JUTA Insentif khas peniaga / penaja berlesen	RM400.3 JUTA	 RM3.0 JUTA Bantuan makanan kepada petugas frontliner	 RM1.7 JUTA Pengecualian dan penangguhan bayaran sewa rumah PPR dan council homes	RM75.9 JUTA	
 RM70.0 JUTA Penangguhan bayaran balik pinjaman skim Hijrah Selangor	 RM0.5 JUTA Mahasiswa/i di Sabah dan Sarawak		 RM7.2 JUTA Write-off pinjaman pelajaran Yayasan Selangor	 RM1.3 JUTA Bakul makanan (mekanisme delivery)		
 RM0.6 JUTA Penangguhan bayaran Skim Smart Sewa	 RM12.0 JUTA Pengecualian sewa premis PBT		JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2020	 RM2.0 JUTA Bantuan warga tani		 RM1.0 JUTA Inisiatif cakna anak barisan hadapan
 RM1.8 JUTA Bantuan keluarga dan mangsa COVID-19	 RM1.5 JUTA Bantuan kepada petani/ penternak/nelayan/IAT			 RM5.0 JUTA Program digitalisas e-pembekal peruncit dan makro		 RM10.0 JUTA Selangor freelance
 RM8.0 JUTA Tabung COVID-19	 RM100.0 JUTA Kecairan tunai untuk SME Selangor Advance			 RM10.0 JUTA Skim Niaga Darul Ehsan (NaDi)		 RM2.0 JUTA Bantuan banjir #KITASELANGOR

2022

PAKEJ KITA SELANGOR 2.0

 RM1.5 JUTA Bantuan kewangan kepada keluarga pesakit COVID-19 yang meninggal dunia	 RM11.4 JUTA Moratorium usahawan Hijrah Selangor selama satu setengah bulan (1.5 bulan)	 RM17.5 JUTA Data internet Selangor	 RM200.0 JUTA Selangor Advance (tambahan dana)	RM555.2 JUTA
 RM10.0 JUTA Program jaminan bekalan makanan	 RM2.3 JUTA Bantuan kewangan 'one-off' kepada persatuan pelancongan Di negeri Selangor	 RM10.7 JUTA Ujian saringan COVID-19 komuniti fasa 3	 RM1.9 JUTA Selangor COVID-19 vaccination program (SCVP)	

Nota:
Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

Sumber: Infografik dan Teks Ucapan Kerajaan Negeri Selangor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

INDEKS HARGA PENGGUNA

Pada akhir tahun 2021, Malaysia masih belum bebas daripada pandemik COVID-19. Sedikit demi sedikit, masyarakat sudah mula menerima hakikat untuk menjalani kehidupan bersama dengan virus COVID-19. Fasa pandemik tidak hanya memberi kesan terhadap kesihatan masyarakat sahaja, tetapi ia juga menjejaskan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan pada Indeks Harga Pengguna (IHP) terutamanya terhadap pola perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) iaitu pemberian vaksin percuma kepada semua rakyat Malaysia secara berperingkat yang membantu untuk mewujudkan imuniti berkelompok. Kesannya, pada akhir suku tahun ketiga 2021, kerajaan mula melonggarkan dan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi. Tindakan itu sedikit sebanyak telah membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan ketara purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2021 (66.5%) daripada AS\$42.30 per tong (2020) meningkat kepada AS\$70.44 per tong (2021) telah memberi kesan terus kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel. Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan tertinggi sepanjang 10 tahun dengan kenaikan sebanyak 32.9 peratus (2021: RM2.65/liter) berbanding tahun sebelumnya (2020: RM1.99/liter).

Selain itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON95 turut meningkat 21.1 peratus kepada

“

IHP Selangor merekodkan peningkatan pada kadar **2.7%**

”



RM2.03 per liter berbanding RM1.67 pada tahun sebelumnya, manakala purata harga diesel meningkat 18.6 peratus kepada RM2.14 per liter daripada RM1.80 seperti yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Inflasi Selangor¹ mencatatkan peningkatan 2.7 peratus berbanding negatif 0.6 peratus yang dicatatkan pada tahun 2020 (**Carta 2.10**). Kadar inflasi ini juga berikutan kesan asas yang rendah pada tahun sebelumnya, yang merekodkan peningkatan ketara terutamanya dalam kumpulan pengangkutan serta peningkatan harga pelbagai barangan. Faktor lain seperti peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 adalah impak daripada kenaikan harga bahan makanan haiwan. Ianya sejajar dengan kenaikan harga pasaran bahan mentah global.

Selain itu, hujan lebat yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya

termasuk Selangor susulan peralihan Monsun Timur Laut pada akhir tahun 2021 turut mendorong kenaikan harga makanan terutamanya makanan laut dan sayur-sayuran.

Kenaikan inflasi di negeri ini juga dipengaruhi oleh penamatan diskaun elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan yang berakhir pada 30 September 2021.

Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi 2.7 peratus ini disumbangkan terutamanya oleh kumpulan pengangkutan (10.2%), diikuti oleh hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (2.6%), makanan & minuman bukan alkohol (2.4%), perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.7%) dan perkhidmatan rekreasi & kebudayaan (0.8%) (**Jadual 2.4**).

Kumpulan pengangkutan merekodkan peningkatan 10.2 peratus pada 2021 berbanding negatif 8.4 peratus yang direkodkan pada 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh penetapan petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter bermula Mac 2021.

Inflasi hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah meningkat pada 2.6 peratus berbanding 0.2 peratus pada 2020. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan bagi perabot, hiasan, permaidani dan penutup lantai lain.

Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 2.4 peratus berbanding 2.0 peratus pada 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan subkumpulan ikan segar & makanan laut (5.8%), sayur-sayuran (5.8%), minyak & lemak (3.9%), daging (3.7%) dan susu, keju & telur (3.2%). Manakala beras, roti & bijiran dan gula, jem, madu, coklat & manisan masing-masing menunjukkan peningkatan

marginal 0.7 peratus dan 0.3 peratus seperti pada **Jadual 2.5**.

Inflasi perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain meningkat 1.7 peratus pada tahun 2021 berbanding negatif 1.4 peratus yang dilaporkan pada tahun 2020. Kenaikan tertinggi adalah daripada subkumpulan elektrik, gas dan bahan api.

“

**Kumpulan pengangkutan
menunjukkan peningkatan pada
10.2%**

”

Jadual 2.3 Purata harga item terpilih, Selangor, 2020-2021

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2020	2021
Ayam Bersih-Standard	1 kg	8.07	8.47
Telur Gred A	10 biji	3.65	3.85
Telur Gred B	10 biji	3.40	3.54
Telur Gred C	10 biji	3.18	3.24
Ikan Kembung	1 kg	16.60	17.49
Sawi	1 kg	4.66	5.82
Bayam	1 kg	4.27	4.69

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.10 Perubahan tahunan IHP, Selangor*, 2011-2021



Jadual 2.4

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Selangor*, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	2.0	2.4
Minuman alkohol & tembakau	0.3	0.5
Pakaian & kasut	-0.7	-0.3
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	-1.4	1.7
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	0.2	2.6
Kesihatan	1.1	0.7
Pengangkutan	-8.4	10.2
Komunikasi	0.8	0.0
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	0.9	0.8
Pendidikan	1.2	0.4
Restoran & hotel	1.6	0.6
Pelbagai barangan & perkhidmatan	3.9	0.7
Keseluruhan	-0.6	2.7

Jadual 2.5

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, Selangor*, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	2.0	2.4
Makanan di luar rumah	2.3	1.5
Beras, roti dan bijirin	0.4	0.7
Daging	1.9	3.7
Ikan segar dan makanan laut	2.9	5.8
Susu, keju dan telur	-2.8	3.2
Minyak dan lemak	1.4	3.9
Buah-buahan	1.7	2.9
Sayur-sayuran	7.3	5.8
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	-0.1	0.3
Keluaran makanan t.t.t.l	2.2	2.6
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	0.5	0.7

*termasuk W.P. Putrajaya

Rencana 2:**Situasi pekerjaan semasa pandemik COVID-19:
Senario kehilangan pekerjaan di Selangor²**

Munerah Mohamad Zaman, Frankie Albert Antau dan Mohd Shahrill bin Abdul Rashid


1.0 Pengenalan: Ekonomi Selangor

Selangor merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Pada tahun 2021, Selangor telah menyumbang sebanyak 24.8 peratus kepada keseluruhan KDNK Malaysia. Dari segi bilangan penduduk pula, Selangor menyumbang sebanyak 21.6 peratus penduduk iaitu 6,994.4 juta daripada 32,447.3 juta penduduk di Malaysia (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020).

Selangor mencatatkan nilai KDNK pada tahun 2021 berjumlah RM343.5 bilion dan pertumbuhan meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding penguncupan sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2020. Sektor yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Selangor adalah sektor Perkhidmatan diikuti oleh sektor Pembuatan yang masing-masing menyumbang sebanyak 59.5 peratus dan 31.4 peratus. Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.2 peratus (2020: -6.6%) didorong oleh subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (4.2%). Pertumbuhan positif bagi subsektor kewangan & insurans dan perdagangan runcit & borong serta makanan & minuman turut mendorong sektor ini bertumbuh lebih baik.

Sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan sebanyak 13.1 peratus (2020: -0.7%) dipengaruhi oleh pertumbuhan memberangsangkan bagi produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 23.6 peratus serta produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 22.0 peratus. Walau bagaimanapun, pembuatan kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan masih menunjukkan penguncupan sebanyak 0.9 peratus dan masih menunjukkan trend yang sama sejak berlakunya pandemik COVID-19 pada tahun 2020 (-1.6 peratus).

Carta 2(a) memaparkan sumbangan lima sektor utama kepada KDNK Selangor bagi tahun 2021. Sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak 59.5 peratus daripada keseluruhan ekonomi Selangor diikuti Pembuatan (31.4%), Pembinaan (5.1%), Pertanian (1.4%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.2%). Sumbangan Selangor kepada KDNK Malaysia telah mencatatkan sumbangan tertinggi kepada tiga sektor utama iaitu sektor Pembinaan (34.3%), Pembuatan (32.0%) dan Perkhidmatan (25.9%).

Carta 2(a): Sumbangan ekonomi Selangor mengikut sektor, 2021 (%)

² Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia

2.0 Sorotan Lepas

Istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata. Wabak ini akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarat.

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja iaitu 15 hingga 64 tahun sama ada bekerja atau menganggur. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bermaksud perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.

Penganggur merujuk kepada individu yang tidak bekerja pada tempoh rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif. Kadar pengangguran pula bermaksud perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

Istilah pemberhentian pekerja mengikut Akta 800 merupakan pemberhentian atau kehilangan pekerjaan yang boleh berlaku dalam beberapa situasi seperti peletakan jawatan secara sukarela, tempoh kontrak perkhidmatan telah tamat, penamatan kontrak perkhidmatan atas persetujuan bersama majikan dan pekerja tanpa terma dan syarat, penyiapan kerja mengikut terma kontrak perkhidmatan, persaraan serta penamatan kontrak pekerja disebabkan salah laku.

Pandemik bermula dari penularan wabak di peringkat epidemik yang merebak secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan mampu membunuh ramai orang dalam masa singkat. Krisis Koronavirus (COVID-19) yang menghantui seluruh negara ketika ini juga telah diklasifikasikan sebagai penularan wabak pandemik oleh WHO.

Kesan daripada penularan wabak COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan melibatkan semua negeri di Malaysia yang mana pertama kali dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Kawalan pergerakan ini seterusnya diselangi dan disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan diakhiri dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Salah satu impak daripada pelaksanaan PKP ialah kehilangan pekerjaan. Perniagaan tidak dibenarkan beroperasi, seterusnya mengurangkan margin jualan dan keuntungan dan mendorong kepada strategi perniagaan untuk terus kekal dalam pasaran. Kesan dari strategi perniagaan inilah yang menyebabkan ramai individu kehilangan pekerjaan disebabkan oleh pengecilan pengoperasian perniagaan dan penutupan perniagaan.

Pandemik ini telah memberi kesan besar terhadap sektor ekonomi Malaysia. Sekatan pergerakan yang dilaksanakan telah menyebabkan aktiviti ekonomi menguncup sehingga menyebabkan banyak perusahaan kecil dan sederhana menutup operasi akibat kerugian yang dialami. Terdapat syarikat tidak dapat melangsungkan perniagaan mereka serta mengalami kesukaran untuk membayar gaji pekerja seterusnya mengakibatkan pemberhentian pekerja untuk

meminimumkan kos operasi. Terdapat juga syarikat-syarikat yang mengurangkan jumlah jam bekerja bagi pekerja yang sedia ada sebagai langkah untuk mengelakkan pemberhentian bagi membolehkan syarikat mereka terus beroperasi.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, KPTB di Selangor menurun sebanyak 0.6 peratus kepada 75.4 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 (76.0 peratus). Kadar pengangguran pula meningkat kepada 4.3 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

3.0 Metodologi dan limitasi

Untuk kajian di Selangor, data sekunder yang diperoleh dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan *Labour Market Insights* telah digunakan. Era pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021 menyaksikan pelbagai pihak sama ada individu, syarikat mahupun kerajaan berusaha keras melakukan pelbagai percubaan sebagai langkah untuk terus kekal hidup dan beroperasi. Penulisan ini memberikan penerangan berkaitan bentuk dan corak kehilangan pekerjaan di Selangor terhad dalam era pandemik dan dalam definisi kehilangan pekerjaan (LOE) di bawah Akta 800 PERKESO sahaja.

Terdapat tujuh pembolehubah yang dikaji iaitu jantina, umur, sektor ekonomi, kategori pekerjaan, taraf pendidikan, perjawatan dan gaji.

4.0 Penemuan: Situasi pekerjaan di Selangor semasa pandemik

4.1 Kehilangan pekerjaan di Selangor secara keseluruhan

Jadual 2(a) menunjukkan sejumlah 107,024 individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020, sebanyak 33.1 peratus adalah di Selangor. Manakala pada tahun 2021, peratusan individu yang kehilangan pekerjaan di Selangor meningkat kepada 34.5 peratus dari 61,360 orang keseluruhan individu yang hilang pekerjaan di Malaysia.

Jadual 2(a): Bilangan pekerja yang kehilangan pekerjaan, 2020 – 2021

Tahun	Malaysia	Selangor	%
2020	107,024	35,450	33.1
2021	61,360	21,197	34.5

Sumber: Kehilangan Pekerjaan, PERKESO

4.2 Kehilangan pekerjaan di Selangor mengikut sektor

Merujuk kepada Jadual 2(b), sektor paling terkesan akibat pandemik COVID-19 di Selangor ialah sektor Pembuatan, borong & runcit, serta pengangkutan, dimana ianya sedikit berbeza di peringkat nasional yang juga melibatkan subsektor penginapan dan makanan & minuman.

Jadual 2(b): Bilangan pekerja yang kehilangan pekerjaan, 2020 – 2021

Sektor	2020		2021	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
Pertanian, perhutanan & perikanan	867	109	504	82
Perlombongan dan pengkuarian	1,620	367	732	114
Pembuatan	23,281	5,912	13,205	4,783
Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara	520	197	510	124
Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan	459	77	163	47
Pembinaan	7,878	2,469	4,888	1,729
Borong & runcit	15,023	6,333	10,613	3,781
Pengangkutan	7,064	5,214	3,136	1,524
Penginapan dan makanan & minuman	14,427	2,394	4,856	1,058
Teknologi maklumat & komunikasi	5,734	2,679	4,762	2,267
Kewangan & takaful insurans	2,793	414	2,080	278
Hartanah	2,781	829	1,739	424
Profesional & teknikal	10,090	4,491	4,986	2,055
Pentadbiran & khidmat sokongan	8,378	2,178	4,150	1,285
Pentadbiran awam & pertahanan	125	9	73	13
Pendidikan	2,263	726	1,764	705
Kesihatan & kerja sosial	769	294	612	205
Kesenian, hiburan & rekreasi	1,348	300	637	111
Perkhidmatan lain	1,557	450	1,904	600
Aktiviti isi rumah	12	4	3	2
Aktiviti luar wilayah	35	4	43	10

Sumber: Kehilangan Pekerjaan, PERKESO

Kehilangan pekerjaan yang tinggi dalam sektor Pembuatan disebabkan oleh sektor ini antara sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Selangor dengan kadar serapan guna tenaga yang tinggi.

Kehilangan pekerjaan yang tinggi dalam subsektor borong & runcit pula didorong oleh faktor PKP. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB di Selangor adalah lebih panjang. Hasil jualan perniagaan yang rendah di samping perlu menanggung kos tetap sedia ada menyebabkan banyak perniagaan terpaksa menutup operasi perniagaan atau mengurangkan pekerja sebagai langkah untuk menyelamatkan perniagaan.

Situasi sedikit berbeza dengan subsektor pengangkutan. Trend penurunan kehilangan pekerjaan yang tinggi sebanyak 70.8 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 disumbangkan oleh faktor perubahan corak pembelian isi rumah. Pembelian secara atas talian telah menggalakkan permintaan penggunaan kemudahan pengangkutan. Selain itu, pengoperasian semula aktiviti ekonomi dan perniagaan penting telah merancakkan semula sektor pengangkutan bagi memenuhi permintaan pengguna yang memerlukan pengangkutan untuk bergerak bagi tujuan pekerjaan atau aktiviti sosial yang lain.

4.3 Kehilangan pekerjaan di Selangor mengikut kategori pekerjaan

Merujuk kepada kategori pekerjaan (Jadual 2(c)), golongan profesional merupakan golongan yang paling banyak kehilangan pekerjaan. Golongan profesional yang terlibat di dalam kehilangan pekerjaan di Selangor pada tahun 2020 adalah sebanyak 11,025 orang ataupun sebanyak 39.2 peratus daripada jumlah keseluruhan golongan profesional yang kehilangan pekerjaan di Malaysia. Pada tahun 2021 pula, golongan profesional yang diberhentikan di Selangor adalah sebanyak 6,807 orang berbanding dengan 17,051 orang bagi Malaysia. Walau pun terdapat penurunan jika dilihat dari segi bilangan, perbandingan dari segi peratusan tetap menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 39.9 peratus ataupun peningkatan sebanyak 0.7 peratus bagi golongan profesional.

Ini diikuti dengan kehilangan pekerjaan bagi golongan juruteknik & profesional bersekutu sebanyak 6,742 orang pada tahun 2020 dan 4,084 orang pada tahun 2021. Golongan yang terkesan mengikut kategori pekerjaan di Selangor seterusnya adalah golongan pengurus. Jumlah golongan pengurus yang terlibat di dalam kehilangan pekerjaan di Selangor pada tahun 2020 dan 2021 adalah masing-masing 5,366 orang dan 3,759 orang.

Walaupun bagaimanapun, untuk kategori keempat tertinggi bagi kehilangan pekerjaan mengikut kategori pekerjaan di Selangor pada tahun 2020 adalah berbeza dengan tahun 2021. Pada tahun 2020, kategori jualan & perkhidmatan merupakan kategori keempat yang terjejas semasa pandemik iaitu sebanyak 4,998 orang. Manakala bagi tahun 2021 pula, kategori keempat yang terjejas adalah golongan operator loji & mesin & pemasangan iaitu sebanyak 2,283 orang. Keadaan ini disebabkan pada tahun 2021, pengoperasian semula aktiviti ekonomi dan perniagaan telah membuka kembali peluang pekerjaan terutama dalam sektor jualan & perkhidmatan yang telah mengurangkan jumlah pemberhentian pekerja.

Jadual 2(c): Kehilangan pekerjaan mengikut kategori pekerjaan, 2020 - 2021

Kategori Pekerjaan	2020		2021	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
Pengurus	14,176	5,366	9,616	3,759
Profesional	28,116	11,025	17,051	6,807
Juruteknik & profesional bersekutu	20,548	6,742	12,189	4,084
Sokongan perkeranian	9,249	2,436	5,692	1,483
Jualan & perkhidmatan	11,885	4,998	4,319	1,241
Pekerja berkemahiran Pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	73	7	51	6
Kraf & perdagangan berkaitan	2,321	581	1,105	350
Operator loji & mesin & pemasangan	11,826	2,272	6,644	2,283
Pekerja asas	7,009	1,501	3,931	940
Tidak ditentukan	1,821	522	762	244

Sumber: Kehilangan Pekerjaan, PERKESO

4.4 Kehilangan pekerjaan di Selangor mengikut tahap pendidikan

Jadual 2(d) menunjukkan pekerja dengan tahap pendidikan SPM (O-Level) atau setaraf paling ramai kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Jika dikaitkan dengan sektor Pembuatan, golongan ini terdiri daripada individu yang bekerja dalam kategori berkemahiran rendah. Tingkat jualan yang rendah semasa PKP mendorong kepada penawaran barang dan perkhidmatan yang berkurangan seterusnya mengurangkan keperluan kepada tenaga buruh dalam sektor Pembuatan. Selain itu, terdapat juga keadaan majikan melaksanakan pengurangan tenaga kerja untuk mengurangkan kos operasi. Jika dilihat dalam Jadual 2(d) sebanyak 12,364 orang (29.4 peratus) daripada jumlah keseluruhan golongan SPM (O-Level) atau setaraf di Malaysia yang terkesan pada tahun 2020. Jumlah ini masih menunjukkan angka yang tinggi pada tahun 2021 iaitu sebanyak 7,278 orang ataupun sebanyak 31.5 peratus daripada jumlah keseluruhan golongan SPM (O-Level) atau setaraf di Malaysia.

Golongan berpendidikan Diploma dan Sarjana Muda atau setaraf juga antara golongan terkesan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Golongan ini juga mewakili bilangan yang dalam kategori pekerjaan pengurus, profesional serta juruteknik & profesional bersekutu yang menerima pendapatan tinggi. Pada tahun 2020, golongan Sarjana Muda atau setaraf serta Diploma atau setaraf yang terkesan kerana pandemik COVID-19 ini adalah masing-masing 9,186 orang dan 6,996 orang. Secara peratusan, golongan Sarjana Muda atau setaraf serta Diploma atau setaraf di Selangor pada tahun 2020 adalah masing-masing 37.7 peratus dan 35.7 peratus berbanding Malaysia. Manakala pada tahun 2021, golongan Sarjana Muda atau setaraf serta Diploma atau setaraf yang terkesan kerana adalah masing-masing 6,097 orang dan 4,122 orang. Secara peratusan pula, golongan Sarjana Muda atau setaraf serta Diploma atau setaraf di Selangor pada tahun 2021 adalah masing-masing 39.6 peratus dan 36.7 peratus berbanding Malaysia.

Jadual 2(d): Kehilangan pekerjaan mengikut tahap pendidikan, 2020 - 2021

Tahap Pendidikan	2020		2021	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
Kedoktoran (PhD)	161	79	125	58
Sarjana atau setaraf	2,672	1,025	1,871	741
Sarjana Muda atau setaraf	24,367	9,186	15,397	6,097
Diploma atau setaraf	19,602	6,996	11,240	4,122
STPM (A-Level) atau setaraf	3,150	959	1,783	558
SPM (O-Level) atau setaraf	42,053	12,364	23,098	7,278
PMR/ PT3 atau setaraf	7,547	2,376	3,999	1,208
Pendidikan Rendah atau ke bawah	3,580	1,139	1,740	469
Tidak Ditetapkan	3,892	1,326	2,107	666

Sumber: Kehilangan Pekerjaan, PERKESO

4.5 Kehilangan pekerjaan di Selangor mengikut julat purata gaji

Pada tahun 2020, Program Subsidi Upah (PSU) telah diperkenalkan. PSU merupakan program bantuan kewangan sebanyak RM600 yang diberikan kepada majikan bagi setiap pekerja untuk satu tempoh tertentu bagi menyokong majikan yang operasinya telah terkesan oleh pandemik COVID-19 untuk terus beroperasi dan mengekalkan pekerja, yang seterusnya akan mendapat

jaminan keselamatan dari segi kewangan. Pelaksanaan PSU bermula dengan PSU 1.0 pada tahun 2020 sehingga PSU 4.0 pada tahun 2021.

Merujuk kepada Jadual 2(e), individu yang kehilangan pekerjaan menerima pendapatan antara RM1,000 hingga RM3,000. Sebagaimana dalam jadual di dalam penulisan ini, sektor Pembuatan menggaji pekerja yang paling ramai dan turut merekodkan kehilangan pekerjaan yang tertinggi. Walau pun terdapat PSU, namun majikan masih tidak dapat mengekalkan penggajian bilangan pekerja yang ramai dalam tempoh pandemik disebabkan pelaksanaan PKP di Selangor agak panjang jikalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Ekoran daripada pelaksanaan yang panjang telah memberi kesan kepada output pengeluaran sekaligus menyebabkan pekilang terpaksa mengurangkan kos operasi. Maka tidak hairanlah sekiranya golongan berpendapatan RM1,000 hingga RM3,000 antara paling ramai kehilangan pekerjaan dan bekerja sebagai operator pengeluaran.

Jadual 2(e): Kehilangan pekerjaan mengikut julat purata gaji, 2020 - 2021

Julat Purata Gaji	2020		2021	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
<1,000	7,819	2,723	2,685	806
1,000 - 1,499	19,632	5,451	9,824	2,121
1,500 - 1,999	15,439	4,446	8,158	2,476
2,000 - 2,499	13,170	4,114	7,189	2,497
2,500 - 2,999	10,471	3,552	6,466	2,369
3,000 - 3,499	8,205	2,960	5,155	2,053
3,500 - 3,999	8,862	3,439	5,637	2,233
4,000 - 4,999	7,556	2,843	5,166	2,179
5,000 - 5,999	4,293	1,625	3,005	1,248
6,000 - 7,999	4,702	1,750	3,258	1,295
8,000 - 9,999	2,362	878	1,760	750
10,000 - 12,999	1,819	693	1,226	485
13,000 - 15,999	958	348	674	273
>16,000	1,606	592	1,106	396
Peringkat semakan	130	36	51	16

Sumber: Kehilangan Pekerjaan, PERKESO

4.6 Kehilangan pekerjaan di Selangor mengikut jantina

Di Selangor, lelaki adalah penerima gaji dan upah teramai pada tahun 2020 iaitu seramai 1,213.7 ribu orang berbanding perempuan seramai 1,077.5 ribu orang (Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor, 2020). Jadual 2(f) menunjukkan lelaki juga yang paling ramai kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Jadual 2(f): Kehilangan pekerjaan mengikut jantina, 2020 – 2021

Jantina	2020		2021	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
Lelaki	61,157	20,218	34,779	12,005
Perempuan	45,867	15,232	26,581	9,192

Sumber: Kehilangan Pekerjaan, PERKESO

4.7 Kehilangan pekerjaan di Selangor mengikut kumpulan umur

Dari segi umur pula, individu berumur di antara 25 – 29 dan 30 – 34 merupakan yang paling ramai kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 dan 2021 berdasarkan pada Jadual 2(g).

Jadual 2(g): Kehilangan pekerjaan mengikut kumpulan umur, 2020 - 2021

Kumpulan Umur	2020		2021	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
15 - 19	869	151	187	42
20 - 24	11,882	3,131	3,799	1,221
25 - 29	21,304	7,308	10,335	3,674
30 - 34	18,332	6,497	10,523	3,618
35 - 39	14,761	5,104	9,172	3,291
40 - 44	13,058	4,577	8,302	3,085
45 - 49	11,442	3,815	7,592	2,770
50 - 54	9,527	3,128	6,684	2,139
55 - 59	5,845	1,739	4,765	1,357
60 - 64	3	0	1	0
>65	1	0	0	0

Sumber: Kehilangan Pekerjaan, PERKESO

5.0 Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah mencetuskan pelbagai implikasi khususnya kehilangan pekerjaan. Peralihan Malaysia ke fasa endemik COVID-19 pada 1 April 2022, memerlukan persediaan dan tindakan lanjut dari pelbagai aspek oleh ramai pihak agar impak negatif dari sudut ekonomi tidak berterusan.

6.0 Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada PERKESO di atas perkongsian data primer.

7.0 Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz (2020). *Pengangguran dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19*. Muat turun pada Mei 15, 2022 dari https://www.researchgate.net/publication/345692386_Pengangguran_dalam_kalangan_Tenaga_Kerja_Semasa_Wabak_COVID-19
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). *Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor 2020*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Janice L. H. Nga, Wijaya Kamal Ramlan dan Shafinaz Naim (2021). *Covid-19 Pandemic and Unemployment in Malaysia: A Case Study from Sabah*. Muat turun pada Mei 15, 2022 dari <https://epress.lib.uts.edu.au/journals/index.php/mcs/article/view/7591/7806>
- Kementerian Kewangan (2021). *Program Subsidi Upah*. Muat turun pada Mei 15, 2022 dari <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/wage-sub-prog>
- Kementerian Kewangan (2021). *Program Subsidi Upah*. Muat turun pada Mei 15, 2022 dari <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2022/04/fasa-peralihan-ke-endemik-01042022>
- Mohd Nizar Bin Zakaria. *Pengangguran di Malaysia: Kesan Pandemik Covid 19*. Muat turun pada Mei 15, 2022 dari <https://jpp.mohr.gov.my/files/pdf/notes/14%20PENGANGGURAN%20DI%20MALAYSIA%20KESAN%20PANDEMIK%20COVID-19.pdf>
- PERKESO (2020). *Soalan-soalan Lazim (FAQ) Program Subsidi Upah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO*. Muat turun pada Mei 15, 2022 dari https://www.perkeso.gov.my/images/penjana/psu/100620_faq_psu_ver3.pdf
- Rosde A. & Borhan A. (2020). *Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah: Kajian Kes Semporna Sabah*. Muat turun pada April 7, 2022 dari https://oer.ums.edu.my/handle/oer_source_file/1293

DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

- Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk
- Struktur umur
- Nisbah jantina
- Nisbah tanggungan
- Kumpulan etnik warganegara
- Penduduk mengikut daerah pentadbiran

KELAHIRAN

KESUBURAN

KEMATIAN

JANGKAAN HAYAT

TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

STATISTIK SISWAZAH

- Statistik siswazah Malaysia
- Statistik siswazah Selangor

MIGRASI

- Migrasi Malaysia
- Migrasi Selangor

BAB

3



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Penduduk Selangor bertambah daripada 6.99 juta pada tahun 2020 kepada 7.01 juta pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.3 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2021 ialah 92.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Selangor.

Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Selangor, 2020-2021

Penduduk	2020	2021	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	6,994.4	7,014.7	0.3

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2021, peratusan umur muda menurun kepada 21.8 peratus (2020: 22.2%), umur bekerja dan umur tua meningkat dengan masing-masing 71.0 peratus (2020: 70.9%) dan 7.2 peratus (2020: 6.9%).

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, Selangor, 2020-2021

Kumpulan umur (%)	2020	2021
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	22.2	21.8
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	70.9	71.0
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	6.9	7.2

7.01 juta

Penduduk
Selangor,
2021



Warganegara

92.5% (2021)
91.9% (2020)



**Bukan
Warganegara**

7.5% (2021)
8.1% (2020)

30.8

Nisbah tanggungan umur muda, 2021

Nisbah Jantina

♂ : ♀
112 : 100
Lelaki : Perempuan

10.1

Nisbah tanggungan umur tua, 2021

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Selangor menurun bagi tempoh 2020 hingga 2021 iaitu 113 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2020 kepada 112 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2021.

Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Selangor menunjukkan penurunan bagi tempoh 2020 hingga 2021. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 9.7 pada tahun 2020 kepada 10.1 pada tahun 2021. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 30.8 pada tahun 2021 berbanding 31.2 pada tahun 2020.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Selangor, 2020-2021

Nisbah tanggungan	2020	2021
Umur muda	31.2	30.8
Umur tua	9.7	10.1
Jumlah	41.0	40.9

Kumpulan etnik warganegara

Pada tahun 2021, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 60.8 peratus (2020: 60.6%). Cina dan India masing-masing menunjukkan penurunan kepada 27.1 peratus (2020: 27.3%) dan 11.2 peratus bagi tahun 2021 (2020: 11.3%) manakala etnik lain kekal pada 0.8 peratus daripada keseluruhan penduduk warganegara di Selangor.


Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Selangor, 2020-2021

Kumpulan etnik warganegara W.P. Labuan (%)	2020	2021
Bumiputera	60.6	60.8
Cina	27.3	27.1
India	11.3	11.2
Etnik lain	0.8	0.8

Penduduk mengikut daerah pentadbiran


Petaling merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2020 berbanding lapan daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk pada tahun 2020 sebanyak 2.30 juta diikuti daerah Ulu Langat (1.40 juta) dan Klang (1.10 juta). Daerah Petaling mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2020 masing-masing seramai 1.22 juta dan 1.08 juta.

Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Selangor, 2020



2,298.1 ribu
Petaling mencatatkan bilangan penduduk tertinggi, 2021

Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Selangor, 2020 ('000)



107.1 ribu
Sabak Bernam mencatatkan bilangan penduduk terendah, 2021


Nota:
 1. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
 2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.

KELAHIRAN

Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2020, kadar kelahiran kasar di Selangor mencatatkan penurunan berbanding tahun 2019 iaitu daripada 15.1 kepada 14.3 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2020 turut menunjukkan penurunan berbanding 2019 iaitu masing-masing daripada 15.0 kepada 14.3 dan 15.3 kepada 14.3 bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Selangor, 2011-2020



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi pada tahun 2020 iaitu 18.7 sementara Cina mencatatkan kadar terendah iaitu 8.0 bagi setiap 1,000 penduduk. Penurunan kadar kelahiran kasar tertinggi turut dicatatkan oleh Cina iaitu daripada 9.3 pada tahun 2019 kepada 8.0 pada tahun 2020 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar (setiap 1,000 penduduk) mengikut kumpulan etnik, Selangor, 2015-2020

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	22.7	22.0	21.8	21.3	19.8	18.7
Cina	11.6	10.7	10.0	9.2	9.3	8.0
India	11.6	11.0	10.7	10.8	10.0	9.8
Etnik lain ¹	12.0	9.9	9.5	8.8	9.9	10.2

¹Termasuk bukan warganegara

14.3
Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2020




18.7
Bumiputera kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, daerah Petaling mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu sebanyak 28,048 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Sabak Bernam iaitu 2,042 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan oleh Kuala Langat dengan 21.3 manakala yang terendah dicatatkan oleh Petaling iaitu 13.0 bagi setiap 1,000 penduduk.

Paparan 3.2 Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar (setiap 1,000 penduduk) mengikut daerah pentadbiran, Selangor, 2020



28,048 bayi
Petaling mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi, 2020




21.3
Kuala Langat mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi, 2020

KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2020, kadar kesuburan jumlah bagi Selangor adalah sama seperti 2019 iaitu 1.6 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun. Carta 3.3 menunjukkan Selangor mencatatkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2011 hingga 2020.

Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, Selangor, 2011-2020



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi India adalah sama seperti 2019 manakala etnik lain mencatatkan peningkatan pada tahun 2020 iaitu 1.1 bayi berbanding 1.0 bayi pada 2019. Pada tahun 2020, Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.1 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh Cina iaitu 0.9 bayi.

Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Selangor, 2015-2020 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	2.3	2.3	2.3	2.2	2.1	2.1
Cina	1.3	1.2	1.1	1.0	1.0	0.9
India	1.3	1.2	1.2	1.2	1.1	1.1
Etnik lain ¹	1.2	1.0	1.0	0.9	1.0	1.1

¹Termasuk bukan warganegara

1.6 bayi

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020



2.1 bayi

Bumiputera kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 25,359 kematian direkodkan di Selangor pada tahun 2020 menurun 8.5 peratus berbanding kematian pada tahun 2019. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2020 adalah 3.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2019: 4.3 kematian).

Carta 3.4 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Selangor, 2010-2020 (setiap 1,000 penduduk)



4.3
kematian

Bagi tempoh 2010-2020, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2019

Jumlah Kematian

Lelaki
14,823 (58.5%)

Perempuan
10,536 (41.5%)


Jadual 3.7 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Selangor, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kematian penduduk	23,804	25,588	26,733	27,387	27,700	25,359
Kadar kematian kasar (Lelaki)	4.3	4.6	4.6	4.7	4.8	4.4
Kadar kematian kasar (Perempuan)	3.4	3.5	3.7	3.7	3.7	3.3

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2020 adalah 4.5 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, menurun 1.4 mata berbanding 5.9 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2019.

Carta 3.5 Kadar kematian bayi, Selangor, 2010-2020



4.5
kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020

17.3**kematian**

Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, 2019 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup


**5.7****kematian**

India kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2020 meningkat kepada 24.7 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 17.3 kematian bagi tahun 2019.

Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Selangor, 2010-2020



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Bumiputera dan Cina masing-masing menurun sebanyak 0.4 mata kepada 3.3 kematian dan 0.3 mata kepada 5.2 kematian. India turut menurun 0.8 mata kepada 5.7 kematian manakala etnik lain menurun kepada 1.7 kematian pada tahun 2020 (2019: 1.8 kematian) bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Selangor, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)


Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	3.4	3.6	3.7	3.8	3.7	3.3
Cina	4.9	5.2	5.4	5.4	5.5	5.2
India	5.6	6.1	6.2	6.4	6.5	5.7
Etnik lain ¹	1.6	1.8	1.7	1.7	1.8	1.7

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, 2020

Pada tahun 2020, penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 2,606 kematian (16.7%) yang melibatkan 19.9 peratus bagi lelaki dan 11.6 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 11.7 peratus dan 6.8 peratus.

Paparan 3.3 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Selangor, 2020



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.


Penyakit jantung iskemik
Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020

Sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, 2020

Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2020 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 4,270 kematian (43.8%) yang melibatkan 37.2 peratus bagi lelaki dan 51.5 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh darah tinggi dan kencing manis dengan masing-masing sebanyak 5.8 peratus dan 5.2 peratus.



Paparan 3.4 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Selangor, 2020



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

Sakit tua
Sebab kematian utama tidak disahkan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020

Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, daerah Petaling mencatatkan bilangan kematian tertinggi sebanyak 7,144 kematian manakala daerah Sepang mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 731 kematian. Namun begitu, kadar kematian tertinggi direkodkan di Sabak Bernam iaitu 7.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Sepang pada kadar 2.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

7.3


Sabak Bernam mencatatkan kadar kematian tertinggi, 2020



75.2 tahun

Bayi lelaki jangkaan hayat ketika lahir, 2021

Paparan 3.5 Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Selangor, 2020




JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2021 di Selangor dijangka hidup lebih lama sehingga 79.6 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki yang dijangka hidup sehingga 75.2 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2021, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki meningkat 2.1 tahun daripada 73.1 tahun (2017) kepada 75.2 tahun (2021) manakala bayi perempuan meningkat 2.2 tahun berbanding 77.4 tahun bagi tempoh yang sama.

Paparan 3.6 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Selangor², 2017-2021



^p Permulaan
^e Anggaran


² Termasuk W.P. Putrajaya

Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2021 dijangka hidup selama 60.8 tahun dan 65.1 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 75.8 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga 80.1 tahun.

Paparan 3.7 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Selangor², 2017-2021



65.1 tahun
Perempuan
jangkaan hayat
pada umur
15 tahun,
2021




Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 16.1 tahun dan 18.2 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga 81.1 tahun dan perempuan sehingga 83.2 tahun.

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun meningkat setiap tahun di antara tempoh 2017 hingga 2021 bagi kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan.

Paparan 3.8 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Selangor², 2017-2021



16.1 tahun
Lelaki
jangkaan hayat
pada umur
65 tahun,
2021

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

Tenaga buruh di Selangor meningkat 2.1 peratus pada tahun 2021 berbanding 0.3 peratus pada tahun sebelumnya. Sejumlah 3,676.9 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2021 berbanding 3,602.7 ribu orang pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 3,518.5 ribu orang pada tahun 2021 daripada 3,446.5 ribu orang pada tahun 2020.

Carta 3.7 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Selangor, 2010-2021



Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Selangor dengan peratus sumbangan sebanyak 26.9 peratus pada tahun 2021. Ini diikuti oleh kategori juruteknik dan profesional bersekutu dan kategori profesional dengan peratus sumbangan 15.6 peratus dan 13.3 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 35.4 peratus daripada keseluruhan pekerja di Selangor.

3,676.9 ribu

Tenaga buruh di Selangor, 2021

3,518.5 ribu

Bilangan penduduk bekerja, 2021

26.9%

Pekerja perkhidmatan dan jualan catat peratusan tertinggi, 2021

Jadual 3.9 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Selangor, 2016-2021

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	236.3	262.2	229.6	257.1	293.7	227.8
Profesional	604.3	609	582.7	639.7	620.4	468.3
Juruteknik & profesional bersekutu	433.8	474.9	496.7	482.1	485.5	549.1
Pekerja sokongan perkeranian	331.5	342.9	365.2	396.4	368.9	372.0
Pekerja perkhidmatan & jualan	604	621.9	675.1	626.5	691.3	944.9
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	28.7	33	50.1	54.6	62.5	28.8
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	287.8	290	305.6	297.8	244.3	238.2
Operator mesin & loji dan pemasang	421	449.5	477.9	487.9	429.6	368.9
Pekerja asas	270.3	276	263.9	247.4	250.3	320.6
Jumlah	3,217.6	3,359.4	3,446.7	3,489.5	3,446.5	3,518.5

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	7.3	7.8	6.7	7.4	8.5	6.5
Profesional	18.8	18.1	16.9	18.3	18.0	13.3
Juruteknik & profesional bersekutu	13.5	14.1	14.4	13.8	14.1	15.6
Pekerja sokongan perkeranian	10.3	10.2	10.6	11.4	10.7	10.6
Pekerja perkhidmatan & jualan	18.8	18.5	19.6	18.0	20.1	26.9
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	0.9	1.0	1.5	1.6	1.8	0.8
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	8.9	8.6	8.9	8.5	7.1	6.8
Operator mesin & loji dan pemasang	13.1	13.4	13.9	14.0	12.5	10.5
Pekerja asas	8.4	8.2	7.7	7.1	7.3	9.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

2,501.1 ribu
Pekerja tertumpu
pada sektor
Perkhidmatan,
2021



15.0 ribu
Sektor
Perlombongan &
pengkuarian
bilangan pekerja
terendah, 2021

Seramai 2,501.1 ribu orang pekerja (71.1%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 574.3 ribu orang (16.3%), Pembinaan (240.2 ribu; 6.8%), Pertanian (187.9 ribu; 5.3%) manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 15.0 ribu orang (0.4%).

76.4%
Kadar penyertaan tenaga buruh di Selangor, 2021



4.3%
Kadar pengangguran di Selangor, 2021

Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut sektor, Selangor, 2016-2021


Sektor	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	41.8	55.0	67.9	57.7	80.8	187.9
Perlombongan dan pengkuarian	31.2	27.3	28.4	23.1	22.1	15.0
Pembuatan	631.7	683.8	693.7	675.3	595.7	574.3
Pembinaan	315.1	308.1	309.1	300.6	277.2	240.2
Perkhidmatan	2,197.8	2,284.8	2,347.4	2,432.6	2,470.3	2,501.1
Jumlah	3,217.6	3,359.4	3,446.7	3,489.5	3,446.5	3,518.5

Sektor	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	1.3	1.6	2.0	1.7	2.3	5.3
Perlombongan dan pengkuarian	1.0	0.8	0.8	0.7	0.6	0.4
Pembuatan	19.6	20.4	20.1	19.4	17.3	16.3
Pembinaan	9.8	9.2	9.0	8.6	8.0	6.8
Perkhidmatan	68.3	68.0	68.1	69.7	71.7	71.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Selangor meningkat 1.0 mata peratus daripada 75.4 peratus pada tahun 2020 kepada 76.4 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, kadar pengangguran di Selangor kekal pada 4.3 peratus pada tahun 2021.

Carta 3.8 KPTB dan kadar pengangguran, Selangor, 2010-2021



STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA


Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun 2020 dengan 5.36 juta orang seperti pada Carta 3.9.

Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.77 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.

Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Carta 3.9 Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021



5.6 juta
Bilangan siswazah
Malaysia,
2021



85.0%
Kadar penyertaan
tenaga buruh
siswazah
Malaysia,
2021


77.4%
Siswazah bekerja berada dalam sektor **Perkhidmatan**, 2021



RM4,582
Purata gaji & upah bulanan siswazah di Malaysia, 2021

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi sumbangan sebanyak 77.4 peratus (3.54 juta orang). Sebanyak 13.7 peratus (627.8 ribu orang) daripada siswazah bekerja di dalam sektor Pembuatan, diikuti 6.0 peratus dalam sektor Pembinaan (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) seperti pada Paparan 3.9.

Paparan 3.9 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)



Statistik gaji dan upah siswazah, Malaysia

Dari perspektif gaji & upah bulanan yang diterima oleh siswazah, purata dan penengah gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan peningkatan 2.5 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada RM3,815 manakala purata gaji naik 2.1 peratus kepada RM4,582.


Peningkatan purata dan penengah gaji & upah yang diterima oleh siswazah seiring dengan peningkatan umur yang mana boleh juga dikaitkan dengan pengalaman dan jawatan dalam pekerjaan. Siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang paling rendah, masing-masing sebanyak RM1,590 dan RM1,984 (Paparan 3.10).

Paparan 3.10 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021



Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 diterima oleh siswazah perempuan (Paparan 3.11).

Paparan 3.11 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021




RM 4,034
Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021



RM 7,247
Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021

Berbanding penengah gaji & upah bulanan pada 2020, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif. Penengah gaji & upah bulanan siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertambahan tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan gaji & upah bulanan tertinggi, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi juga meningkat pada tahap yang berbeza mengikut industri berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.12).

Paparan 3.12 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021




STATISTIK SISWAZAH SELANGOR

Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Selangor adalah seramai 1,686.6 ribu orang, meningkat 2.4 peratus daripada 1,646.3 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 1,478.6 ribu orang, meningkat 3.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 1,435.3 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 87.7 peratus, turun 0.5 mata peratus berbanding 87.2 peratus pada tahun 2020 seperti Carta 3.10.

Carta 3.10 Statistik utama siswazah, Selangor, 2020-2021



Seramai 1,434.9 ribu orang siswazah bekerja di Selangor pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan 4.4 peratus (2020: 1,374.6 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah 43.7 ribu orang (2020: 60.7 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Selangor pada tahun 2021 ialah 3.0 peratus (2020: 4.2%). Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 12.3 peratus daripada jumlah siswazah di Selangor iaitu seramai 208.0 ribu orang pada tahun 2021, menurun 1.5 peratus daripada 211.1 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina menunjukkan komposisi siswazah di Selangor didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 50.7 peratus (855.0 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 49.3 peratus (831.6 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 88.6 peratus manakala siswazah perempuan adalah 86.7 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih tinggi iaitu 3.1 peratus berbanding perempuan 2.8 peratus seperti pada Carta 3.11.

1.69 juta

Bilangan
siswazah
Selangor, 2021



1.48 juta

Bilangan tenaga
buruh siswazah
Selangor, 2021

Carta 3.11 Statistik utama siswazah mengikut jantina, Selangor, 2021



5.4%
Peningkatan tenaga buruh siswazah lelaki, 2021



RM 4,844
Purata gaji & upah siswazah di Selangor, 2021

Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 741.6 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2021, meningkat 0.7 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan peningkatan 5.4 peratus kepada 737.0 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Selangor adalah seramai 714.1 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (720.8 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi hanya 37.9 peratus dari keseluruhan penganggur atau 23.0 ribu orang, lebih tinggi berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 20.8 ribu orang. Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh meningkat 4.0 peratus kepada 113.4 ribu orang manakala siswazah lelaki merekodkan penurunan 7.3 peratus kepada 94.6 ribu orang.

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Selangor, 2021

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Selangor pada tahun 2021 adalah RM4,844 lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM4,772. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM4,130 pada tahun 2021 meningkat dari RM4,037 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.12).

Jadual 3.12 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Selangor, 2020-2021

Gaji & upah	Jumlah	
	2020 ^e	2021 ^p
Purata gaji (RM)	4,772	4,844
Penengah gaji (RM)	4,037	4,130

MIGRASI

MIGRASI MALAYSIA

Penduduk berumur 1 tahun dan lebih yang berhijrah pada 2020 menurun sebanyak 40.0 ribu orang kepada 484.1 ribu orang berbanding 524.1 ribu orang pada 2018. Kadar migrasi menyusut 0.1 mata peratus iaitu 1.5 peratus pada 2020 berbanding 1.6 peratus pada 2018. Migrasi dalam negeri pada 2020 merekodkan penurunan 2.4 mata peratus berbanding 60.8 peratus pada 2018.

Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan peningkatan 2.7 mata peratus kepada 31.2 peratus pada 2020 daripada 28.5 peratus pada 2018. Manakala, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia adalah 10.4 peratus, menyusut 0.3 mata peratus berbanding 10.7 peratus pada 2018.

484.1 ribu
Bilangan migrasi
Malaysia, 2020



1.5%
Kadar migrasi
Malaysia, 2020

Carta 3.12 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2018 dan 2020



MIGRASI NEGERI SELANGOR

Kadar migrasi Selangor

Pada tahun 2020, Selangor mencatatkan kadar migrasi 1.6 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun 2018. Peratusan migrasi Selangor datangnya daripada migrasi dalam negeri iaitu 66.1 peratus, diikuti migrasi antara negeri (29.4%) dan migrasi antarabangsa (4.5%).

Migrasi antara negeri

Pada 2020, peratusan migrasi antara negeri bagi Selangor ialah 29.4 peratus, meningkat berbanding 28.6 peratus pada tahun 2018. Migrasi bersih merekodkan Selangor sebagai negeri penerima migran iaitu berkurang 1.6 ribu orang kepada 7.9 ribu orang berbanding 9.5 ribu orang pada 2018. Migrasi ke Selangor ramainya datang dari W.P. Kuala Lumpur, Sabah, W.P. Putrajaya, Negeri Sembilan dan Perak. Manakala migrasi dari Selangor ramainya ke Perak, W.P. Putrajaya, Kelantan, W.P. Kuala Lumpur dan Kedah.

Jadual 3.12 Lima negeri destinasi oleh migran dari Selangor dan negeri asal oleh migran ke Selangor, 2020

Negeri destinasi	Negeri asal
Perak	W.P. Kuala Lumpur
W.P. Putrajaya	Sabah
Kelantan	W.P. Putrajaya
W.P. Kuala Lumpur	Negeri Sembilan
Kedah	Perak

Nisbah keberkesanan migrasi

Selangor mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi positif pada 2020 iaitu 15.3 peratus. Ini menunjukkan penduduk Selangor bertambah seramai 15 orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2018 (16.0%).

Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Taburan peratus tertinggi migrasi antara negeri di Selangor adalah dari bandar ke bandar iaitu 91.7 peratus, bandar ke luar bandar (7.6%) diikuti luar bandar ke luar bandar (0.7%).

1.6%

Kadar migrasi
Selangor, 2020



15.3%

Nisbah
keberkesanan
migrasi, Selangor
2020

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

- Statistik utama pelancongan domestik
- Pelawat domestik
- Perjalanan pelancongan domestik
- Perbelanjaan pelancongan domestik

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK SELANGOR

- Kedatangan pelawat, 2021
- Negeri asal pelancong, 2021
- Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021
- Terimaan pelancongan domestik, 2020
- Tujuan perjalanan, 2020



BAB 4

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Pada 2021, pelancongan domestik Malaysia mengalami kejatuhan yang signifikan bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan disebabkan oleh COVID-19 *lockdown*. Jadual 4.1 menunjukkan seramai 66.0 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2021 dengan penurunan sebanyak 49.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -44.9%). Sejumlah 72.4 juta perjalanan pelancongan direkodkan berbanding 147.0 juta perjalanan pelancongan pada tahun 2020.

Perbelanjaan pelancongan domestik mencatatkan penurunan sebanyak 54.5 peratus, iaitu RM18.4 bilion pada tahun 2021 berbanding RM40.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan yang direkodkan adalah RM254 iaitu merosot sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada tahun 2021 adalah 2.19 hari.

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2020-2021

Statistik utama	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	131.7	66.0	-49.9
Bilangan perjalanan (juta)	147.0	72.4	-50.7
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	40.4	18.4	-54.5
Purata perbelanjaan (RM)	275	254	-7.5
Purata bilangan hari menginap (hari)	1.93	2.19	13.2
Purata perjalanan	1.12	1.10	-1.7

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

66.0 juta

Jumlah pelawat domestik, 2021

Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan menyusut pada tahun 2021

RM18.4 bilion

Perbelanjaan pelawat domestik, 2021

-67.8%Kemerosotan
bilangan
pelancong pada
tahun 2021**78.5%**Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun
2021

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2021 adalah seramai 51.1 juta orang dengan penurunan sebanyak 40.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong merosot daripada 46.3 juta orang pada tahun 2020 kepada 14.9 juta orang (-67.8%) seperti pada Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2020-2021

Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	85.4	51.1	-40.2
Pelancong	46.3	14.9	-67.8
Jumlah	131.7	66.0	-49.9

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2021, sumbangan perjalanan harian dan bermalam masing-masing adalah 78.5 peratus dan 21.5 peratus. Sumbangan perjalanan bermalam menyusut sebanyak 11.4 mata peratus berbanding 32.9 peratus yang dicatatkan pada 2020 (Paparannya 4.1).

Paparannya 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2020-2021

Perjalanan Harian



2021	78.5%
2020	67.1%

Perjalanan Bermalam




2021	21.5%
2020	32.9%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Ekoran daripada COVID-19 *lockdown*, jumlah perbelanjaan pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan penurunan pada tahun 2021. Perbelanjaan pelancong menyusut sebanyak 68.0 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian jatuh 36.3 peratus kepada RM11.0 bilion seperti pada Paparannya 4.2.

Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2020-2021



-54.5%
Perbelanjaan pelancongan domestik merosot pada tahun 2021

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK SELANGOR

Kedatangan pelawat, 2021

Selangor menerima seramai 10.21 juta pelawat domestik pada 2021 berbanding 19.71 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Penurunan bilangan pelawat didorong oleh kemerosotan bilangan pelancong sebanyak 74.3 peratus iaitu kepada 1.21 juta pelancong berbanding 4.69 juta pelancong pada tahun 2020 seperti pada Jadual 4.3.

10.21 juta
Ketibaan pelawat domestik di Selangor pada tahun 2021

Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Selangor, 2020-2021


Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	4.69	1.21	-74.3
Pelawat domestik	19.71	10.21	-48.2

Negeri asal pelancong, 2021

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi Selangor pada tahun 2021. Berdasarkan survei, pelancong yang berasal dari Selangor adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 0.52 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari W.P. Kuala Lumpur (0.28 juta pelancong), Pahang (0.07 juta pelancong), Johor (0.07 juta pelancong) dan Terengganu (0.07 juta pelancong).

Selangor
Negeri asal pelancong yang paling ramai berkunjung ke Selangor, 2021

Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Selangor, 2021



Bilangan pelancong (ribu)

0.28 juta

Pelancong dari
W.P. Kuala Lumpur
yang mengunjungi
Selangor
pada tahun
2021



**Sunway
Pyramid
Shopping Mall**

Destinasi
tumpuan utama
pelawat domestik
pada tahun
2021

Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Selangor pada tahun 2021 iaitu Sunway Pyramid Shopping Mall, IDEAL Convention Centre (IDCC) Shah Alam, GM Klang Wholesale City, Pantai Morib dan The Curve.


Paparan 4.3 Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Selangor, 2021



Terimaan pelancongan domestik, 2020

Pada tahun 2020, dari segi nilai terimaan, sejumlah RM7.1 bilion telah dibelanjakan oleh pelawat domestik semasa berkunjung ke Selangor. Trend penurunan ini disumbangkan oleh pengurangan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak 60.2 peratus dan 46.7 peratus seperti pada Paparan 4.4.


Paparan 4.4 Terimaan pelancongan domestik, 2019-2020



Sementara itu, purata terimaan per perjalanan pada 2020 merekodkan penurunan kepada RM322 berbanding nilai yang telah dicatatkan pada tahun sebelumnya iaitu RM340.

Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 61.4 peratus daripada jumlah keseluruhan terimaan. Ini diikuti oleh makanan & minuman (17.0%), pembelian bahan api kenderaan (6.7%) dan pengangkutan (6.1%) seperti pada Paparan 4.5.

